

## **Katak Dan Pelacur Politik: Tragedi Ngeri Semasa Covid-19**

## **Frogs and Political Prostitutes: A Political Nightmare During Covid-19**

**Saiyid Radzuwan Syed Sopi<sup>1\*</sup>**

<sup>1, 2, 3, 4</sup> Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh (PPPJJ)  
Universiti Sains Malaysia, 11800 Minden, Pulau Pinang, MALAYSIA

\*Corresponding Author Designation

DOI: <https://doi.org/10.30880/ahcs.2022.03.02.019>

Received 31 July 2022; Accepted 35 October 2022; Available online 31 December 2022

**Abstrak:** Tahun 2020 merupakan tahun yang mencabar bagi Malaysia apabila berlakunya rampasan kuasa politik daripada Pakatan Harapan (PH) kepada Perikatan Nasional (PN) dan penularan wabak Covid-19. Selanjutnya, Covid-19 merupakan wabak penyakit yang boleh membawa kematian manakala rampasan kuasa politik mampu melahirkan katak dan pelacur politik melalui rasuah politik. PN menyedari bahawa kerajaan yang mereka bina bukannya melalui kemenangan dalam pilihan raya dan oleh itu, mereka harus menyalurkan rasuah politik kepada rakan gabungannya untuk mengekalkan kestabilan kerajaan. Pemiakan katak politik dilihat semakin membimbangkan apabila Putrajaya berubah tangan daripada PH kepada PN dan senario ini menjelaskan bahawa ramai ahli politik PN menjadikan kuasa politik sebagai pemburuan utama. Mereka tidak begitu mempedulikan kes harian Covid-19 yang semakin hari semakin meningkat walaupun Agong memberikan nasihat kepada semua ahli parlimen agar jangan terlalu berpolitik semasa Covid-19. Keengganan PN menurut perintah Agong terbukti apabila Melaka harus mengadakan Pilihan Raya Negeri (PRN) dan senario ini menjelaskan bahawa PN lebih mementingkan kuasa politik berbanding nyawa rakyat. Justeru, katak dan pelacur politik merupakan ancaman kepada kestabilan politik dan pemiakan mereka dilakukan secara sistematik melalui rasuah politik.

**Kata kunci:** Covid-19, Pakatan Harapan, Katak Politik, Pelacur Politik Dan Rasuah Politik

**Abstract:** 2020 was a challenging year for Malaysia because there was a political coup from Pakatan Harapan (PH) to Perikatan Nasional (PN) along with the Covid-19 pandemic. Furthermore, political coup can breed frogs and political prostitutes through political corruption while Covid-19 can cause of death. PN realized that the government that they governed was not through the election and therefore, they had to channel political bribes to their coalition partners to maintain the stability of the

\*Corresponding author: [pbsaiyid@usm.my](mailto:pbsaiyid@usm.my)

2022 UTHM Publisher. All rights reserved.

[publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/ahcs](http://publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/ahcs)

government. The breeding of political frogs is seen as more worrying when Putrajaya changes hands from PH to PN and this scenario explains that many PN politicians make political power as their main agenda. They don't really care about the rise in the Covid-19 cases even though the King gave advised to all members of the parliament not to be too political during the Covid-19 pandemic. PN's reluctance to comply with the King's order is evident when Malacca held a State Election, and this scenario explains that PN is more concerned with political power than the lives of the people. Thus, frogs and political prostitutes are a threat to political stability and their breeding is done systematically through political corruption.

**Keywords:** Covid-19, Alliance of Hope, Political Frogs, Political Prostitutes, And Political Corruption

## 1. Pendahuluan

Kerjasama politik didefinisikan sebagai gabungan dua atau lebih parti politik dan pencantuman ini disifatkan sebagai proses bagi membolehkan sesebuah parti politik itu membentuk kerajaan. Kerjasama sedemikian merupakan satu strategi yang telah lama diaplikasikan oleh parti-parti politik yang gagal mendapat majoriti mudah untuk membentuk kerajaan. Realitinya, parti dominan yang mengetuai kerjasama politik terpaksa memelihara ikatan gabungan dalam kalangan anggota gabungannya agar kekuatan gabungan tersebut tidak runtuh. Senario pemeliharaan ini akan mengakibatkan berlakunya fenomena yang boleh menghancurkan intergriti seseorang itu seperti rasuah politik, lompat parti dan pelacur politik. Hal ini kerana setiap anggota gabungan akan cuba memberikan tekanan kepada parti dominan agar memenuhi permintaan mereka. Namun, jika parti dominan enggan menunaikan hasrat rakan gabungannya, maka kekecohan akan terjadi dan peristiwa sedemikian akan memberikan kesan kepada kestabilan politik negara. Oleh itu, cabaran utama yang merisaukan parti dominan ialah bagaimana harus mereka menyusun strategi yang sistematik agar setiap anggota gabungannya boleh menerima segala peraturan tanpa sebarang syarat.

Pada kebiasaannya, rasuah politik diterjemahkan dalam bentuk materialitik seperti pangkat, kedudukan, jawatan menteri, habuan kewangan dan pelbagai suapan yang boleh menguncikan mulut seseorang itu. Jika kuota jawatan yang ditetapkan telah dipenuhi dan untuk memuaskan nafsu mereka yang masih belum mendapat sebarang habuan, maka kerajaan boleh mencipta pelbagai jawatan seperti pengarah syarikat, penasihat menteri dan penaung kepada sesebuah organisasi. Pemiakan rasuah politik menjadi kritikal selepas berlakunya rampasan kuasa politik daripada Pakatan Harapan (PH) kepada Perikatan Nasional (PN) pada 1 Mac 2020. PN yang diketuai oleh Muhyiddin Yassin telah mempergiatkan rasuah politik kepada anggota gabungannya dengan memperbesarkan saiz kabinet sehingga mencecah hampir 70 orang [1]. Realitinya, pembesaran saiz kabinet tidak mendatangkan keuntungan kepada negara kerana negara terpaksa berbelanja besar untuk membayar gaji menteri kabinet. Namun, Muhyiddin terpaksa melakukan sesuatu di luar jangkaan kerana beliau sedar bahawa kerajaan yang dibentuk oleh beliau bukannya melalui pilihan raya, tetapi melalui rampasan kuasa.

Proses melakukan rasuah politik memerlukan kerjasama daripada ahli politik yang sanggup melompat ke parti politik lain dan mereka tidak malu dipanggil katak politik hanya disebabkan ganjaran materialitik. Katak politik bijak memberikan pelbagai alasan kononnya mereka hilang kepercayaan kepada parti asal dan atas sebab itu mereka harus melompat ke parti politik lain. Selanjutnya, mereka mahu rakyat mempercayai alasan dangkal tersebut dan seterusnya menghalalkan perbuatan melompat parti. Fenomena katak politik menjadi semakin kritikal apabila bekas Ketua Menteri Sabah, Musa Aman mengumumkan bahawa beliau berjaya mengumpul 32 katak politik dan kesemua katak politik tersebut memberikan sokongan kepadanya untuk membentuk kerajaan baharu Sabah [5]. Kemelut perebutan kuasa di Sabah antara Musa Aman dengan Ketua Menteri Shafie Apdal telah memaksa Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mengadakan Pilihan Raya Negeri (PRN) pada 26 Sept 2020 walaupun situasi Covid-19 pada ketika itu amat menakutkan.

Sementara itu, kerjasama dua hala bukan sahaja boleh diaplikasikan kepada parti politik, malahan konsep ini boleh dikembangkan kepada syarikat perniagaan, persatuan, pertubuhan atau masyarakat sivil. Secara umumnya, gabungan dua entiti ini bertujuan untuk memperkemas struktur pengurusan atau memperbesarkan modal perniagaan. Namun, terdapat juga usaha mewujudkan kerjasama dua hala hanya untuk membalas dendam kepada musuhnya. Sebagai contoh, Muafakat Nasional (MN) merupakan kerjasama politik antara United Malays National Organisation (UMNO) dengan Parti Islam Se-Malaysia (PAS). Salah satu tujuan utama mengapa kerjasama politik ini diwujudkan ialah apabila UMNO gagal menerima realiti bahawa partinya telah mengalami kekalahan dalam Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) pada 2018. UMNO memasang strategi untuk merampas semula Putrajaya daripada PH dan salah satu mekanisme yang sistematik untuk mengembalikan semula reputasi mereka sebagai parti berdaya saing ialah dengan bekerjasama dengan PAS yang selama ini mereka mengklasifikasikan PAS sebagai musuh politiknya yang berkekalan.

Ironinya, PAS sanggup berjabat tangan dengan UMNO walaupun sebelum ini PAS bermati-matian amat membenci UMNO sehingga pada satu ketika PAS pernah mengeluarkan kenyataan bahawa UMNO adalah parti kafir [6]. Selain itu, permusuhan PAS-UMNO telah mengakibatkan berlakunya pelbagai fenomena yang boleh mendatangkan perpecahan kepada kaum Melayu seperti PAS percaya bahawa sembelihan haiwan yang dilakukan oleh orang UMNO adalah tidak halal untuk dimakan dan pengikut PAS dinasihatkan agar jangan bersembahyang berimankan orang UMNO. Hal ini sekali gus melahirkan perbuatan sembahyang dua iman dan perbalahan ini telah menjadi isu nasional yang boleh mendatangkan kesesatan kepada akidah seseorang itu. Realitinya, PAS sanggup menggadaikan prinsip perjuangannya apabila mereka dijanjikan kuasa jika gabungan UMNO-PAS berjaya menguasai Putrajaya dan perbuatan ini telah dilabelkan sebagai pelacur politik oleh Tengku Razaleigh [4]. Veteran politik seperti Tengku Razaleigh mempunyai pengalaman luas mengenai perjalanan politik PAS dan atas kapasiti itu menyebabkan beliau berani melabelkan PAS dengan gelaran yang kurang didengari.

Selanjutnya, kuasa memerintah yang diidamkan oleh PAS telah menjadi kenyataan apabila PH dijatuhkan melalui rampasan kuasa. Perancangan teliti yang disusun antara UMNO, katak politik dan pelacur politik melalui strategi rasuah politik telah membuahkan hasil positif apabila Putrajaya berubah tangan daripada PH kepada PN. Justeru, kajian ini akan membincangkan bagaimana katak dan pelacur politik boleh dijinakkan dengan rasuah politik ditengah-tengah negara dilanda wabak Covid-19 yang menakutkan. Wabak Covid-19 telah diisytiharkan sebagai penyakit yang cepat merebak oleh Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO), tetapi kebanyakan pemimpin parti tidak begitu mempedulikan penularan wabak Covid-19 walaupun mereka sedar bahawa kes harian jangkitan penyakit tersebut berada pada tahap yang amat membimbangkan. Mereka hanya peduli bagaimana Putrajaya harus dirampas daripada PH walaupun ribuan rakyat menghadapi masalah pergerakan seperti dilarang keluar bekerja, membuka perniagaan dan bersosial melalui melalui Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan oleh kerajaan.

## 2. MN dan Rasuah Politik

Keputusan PRU14 telah memberikan kejutan kepada UMNO apabila mereka gagal mengekalkan statusnya sebagai parti pemerintah. Peristiwa ini membuktikan bahawa rakyat berani melakukan anjakan paradigma apabila mereka tidak gentar dengan kuasa ugutan yang sering kali digunakan oleh Barisan Nasional (BN) terhadap rakyat atau penjawat awam yang enggan menyokong mereka. Retorik politik yang sering kali dilaungkan oleh UMNO-BN bahawa “hanya mereka sahaja yang mampu mentadbir Malaysia” telah hilang kehebatannya. Kekuatan retorik politik ini telah terhakis sedikit demi sedikit akibat perbuatan rasuah yang semakin mengganas dalam kalangan pemimpin UMNO-BN. Selain itu, PAS juga kecewa dengan keputusan PRU14 yang tidak membantu mereka untuk menjadi *king maker*. PAS sering kali akan menggunakan ungkapan “kita menang dalam kalah” dan ungkapan tersebut akan dijaja kepada penyokongnya. Hal ini bertujuan untuk meredakan kemarahan dalam kalangan pemimpin atau penyokong PAS. Disebabkan keputusan PRU14 yang tidak memberikan kejayaan kepada UMNO-PAS, maka kedua-dua parti tersebut telah mengorak langkah yang jarang-jarang sekali dilakukan apabila mereka bersetuju untuk menjalinkan kerjasama politik.

Sejarah politik Malaysia menjelaskan bahawa UMNO-PAS adalah musuh ketat politik yang sukar dipisahkan dan kemungkinan mereka menjalinkan kerjasama politik adalah satu perkara yang mustahil. Namun, kerakusan untuk berkuasa di peringkat pusat telah menghakis status musuh politik dan pada 14 Sept 2019, kerjasama politik antara UMNO-PAS telah berjaya direalisasikan. Kejayaan ini disambut meriah oleh Presiden UMNO-PAS berserta penyokong kedua-dua parti dan daripada situlah MN terbina. MN merupakan satu piagam kerjasama politik yang memfokuskan kepada gabungan parti politik berasaskan kaum Melayu dan agenda kepentingan negara dilihat sebagai sasaran MN. Realitinya, agenda kepentingan negara diklasifikasikan sebagai retorik politik yang dimainkan oleh UMNO-PAS dalam usaha untuk mendapatkan sokongan orang Melayu. Senario politik Malaysia mudah menyebarkan politik kebencian dan perkauman kerana dasar asas yang menyokong struktur politik dibina berdasarkan kepada kaum, bangsa dan raja.

Oleh itu, UMNO-PAS menyedari bahawa strategi mudah untuk mereka memperoleh sokongan orang Melayu ialah dengan menyebarkan fitnah kebencian terhadap PH. Sebagai contoh, PH dituduh hendak menjual aset Tabung Haji (TH) kepada bangsa asing dan perbuatan tersebut boleh mendatangkan kerugian kepada orang Islam. Selain itu, PH juga dicerca kerana telah memberikan dividen TH dalam kadar rendah sebanyak 1.25% pada 2019 berbanding UMNO-BN sebanyak 4.5% pada 2017. Hal ini dimanipulasikan oleh UMNO-PAS dengan mengklasifikasikan PH tidak bijak dalam mengurus pentadbiran TH dan Mujahid pada ketika itu merupakan menteri yang bertanggungjawab terhadap pengurusan TH diminta meletak jawatan. Rakyat mudah terpengaruh dengan propaganda politik yang diatur oleh UMNO-PAS mengenai isu TH kerana majoriti orang Islam bergantung kepada TH untuk urusan umrah dan haji. Orang Melayu amat sensitif dengan isu yang menghalang mereka daripada mengerjakan ibadat keagamaan dan UMNO-PAS menyedari bahawa isu tersebut boleh dijadikan senjata yang paling ampuh untuk mendorong orang Melayu membenci PH.

Namun, kelicikan UMNO-PAS memainkan isu TH menemui kebuntuan apabila tindakan pemulihan yang dilakukan oleh Mujahid adalah bebas daripada pelanggaran undang-undang. Hal ini dibuktikan melalui Laporan Kewangan TH 2019 dan laporan tersebut dimaklumkan kepada awam dengan mendapat sijil perakuan daripada Ketua Audit Negara yang ditandatangani pada 23 Dis 2020 [12]. Berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan Audit Negara, Mujahid menegaskan bahawa laporan TH untuk kewangan 2019 adalah hasil sebenar setelah setahun pemulihan yang dilakukan dari sudut laporan kewangan yang bersih dan mengikut piawaian. Sijil Pengauditan Penyata Kewangan TH menjelaskan bahawa TH pada tempoh berakhir 31 Dis 2019 telah memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan lembaga itu dan kumpulannya, serta prestasi kewangan dan aliran tunai selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (IFRS) dan Akta Tabung Haji 1995 (Akta 35). Hal ini sekali gus mengesahkan bahawa tiada apa-apa penyelewengan atau salah urus dalam pentadbiran TH semasa pemerintahan PH. Justeru, semua pihak yang telah membuat tohmahan dan menyebarkan maklumat salah mengenai TH sebelum ini harus melakukan permohonan maaf kerana telah menggelirukan orang awam dan 9 juta pendeposit TH.

UMNO-PAS menyedari bahawa sekadar menyebarkan fitnah, propaganda politik dan kelemahan PH dalam media sosial masih kurang berkesan. Hal ini kerana rakyat semakin celik komputer dan banyak berita palsu mudah ditangkis dalam sekelip mata sahaja. Oleh itu, UMNO-PAS memerlukan strategi yang lebih sistematik untuk memecahbelahkan kekuatan PH. Realitinya, PH berjaya mendapat 122 kerusi (rujuk jadual 1) dan kekuatan PH boleh dimusnahkan dengan memujuk dan membeli beberapa katak politik daripada PH melalui rasuah politik. Sejarah membuktikan bahawa BN berpengalaman menjatuhkan sesebuah kerajaan dan peristiwa yang berlaku di Perak pada 2009 menjelaskan BN mudah memujuk, mengumpun dan membeli katak politik. Selanjutnya, senario lompat parti menjadi semakin kritikal apabila Putrajaya ditadbir oleh PN dan rakyat semakin membenci mana-mana ahli politik yang menjual kerusi yang dimenangi oleh mereka hanya untuk menjaga kekenyangan perut sendiri. Ahli politik sedemikian tidak malu dipanggil katak dan nilai moral yang sepatutnya ada dalam diri seseorang ahli politik telah terhakis disebabkan habuan materialistik.

**Jadual 1: Undi popular PRU14**

<b>Pakatan Harapan</b>	<b>BN</b>	<b>Gagasan Sejahtera</b>
PKR 47 kerusi	UMNO 54 kerusi	PAS 18 kerusi
DAP 42 kerusi	PBB 13 kerusi	
BERSATU 13 kerusi	PRS 3 kerusi	Lain-lain
AMANAHAH 11 kerusi	PDP 2 kerusi	STAR 1 kerusi
WARISAN 8 kerusi	MIC 2 kerusi	Bebas 2 kerusi
Bebas 1 kerusi	MCA 1 kerusi	
<b>Jumlah 122 kerusi</b>	SUPP 1 kerusi	
	UPKO 1 kerusi	
	<b>Jumlah 77 kerusi</b>	

Sumber: *Malaysiakini* (10 Mei 2018).

UMNO menyedari bahawa mereka mempunyai kekuatan kewangan dan mereka boleh menawarkan habuan kebendaan kepada mana-mana ahli politik yang rela melompat parti dengan bayaran yang lumayan. Justeru, usaha UMNO-PAS untuk menguasai Putrajaya menjadi semakin realiti apabila Mahathir Mohamad meletak jawatan sebagai Perdana Menteri pada 24 Feb 2020 [11]. Tindakan Mahathir telah menyebabkan Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) bersama beberapa ahlinya dan 11 ahli parlimen PKR mengumumkan keluar daripada PH. Ketiadaan beberapa ahli parlimen BERSATU dan sebahagian PKR telah menyebabkan PH hilang majoriti dan status mereka sebagai parti pemerintah telah lenyap. Kejatuhan PH membuka peluang kepada UMNO untuk mengisi jawatan Perdana Menteri kerana mereka mempunyai jumlah kerusi yang paling banyak berbanding yang lain (rujuk rajah 2). Namun, Muhyiddin daripada BERSATU telah dipilih menjadi Perdana Menteri dengan mendapat restu daripada Agong dan UMNO percaya bahawa pemilihan Muhyiddin diklasifikasikan sebagai strategi yang diatur oleh mereka untuk berkuasa semula dalam masa yang terdekat.

**Jadual 2: Agihan kerusi PH dan PN**

<b>Pakatan Harapan</b>		<b>Perikatan Nasional</b>	
DAP	42 kerusi	BERSATU	26 kerusi
AMANAHAH	11 kerusi	PKR	11 kerusi
PKR	39 kerusi	BN	42 kerusi
WARISAN	9 kerusi	PAS	18 kerusi
<b>Jumlah 101 kerusi</b>		GPS	19 kerusi
		PBRIS	1 kerusi
		PBS	1 kerusi
		UPKO	1 kerusi
		STAR	1 kerusi
		Bebas	1 kerusi
		<b>Jumlah 121 kerusi</b>	

Sumber: Dikemaskini daripada pelbagai sumber

Hasrat PAS untuk berkuasa di peringkat Putrajaya berjaya direalisasikan apabila beberapa ahli parlimennya telah dilantik menjadi menteri kabinet dan pelantikan tersebut menggembirakan PAS. Sepanjang PAS terlibat dalam PRU, mereka hanya berjaya mentadbir negeri berbanding pusat walaupun mereka telah berusaha bersungguh-sungguh untuk menawan Putrajaya. Namun, peluang untuk berkuasa di Putrajaya terbentang di depan mata apabila PAS ditawarkan untuk menjadi sebahagian daripada kerajaan gabungan PN dan penawaran ini menyebabkan PAS terhutang budi kepada BERSATU. Sikap mengenang budi telah mengakibatkan pendirian PAS untuk meneruskan kerjasama politik bersama UMNO telah terhakis sedikit demi sedikit. Realitinya, sikap PAS yang mudah berubah pendirian politik bukanlah merupakan senario ganjil kerana mereka pernah melakukannya sewaktu bersama Parti KeAdilan Rakyat (PKR) dan Parti Tindakan Rakyat (DAP). Muhyiddin menyedari bahawa untuk mengekalkan kekuatan PN, maka beliau akan mengikat seseorang ahli parlimen itu dengan rasuah politik. Strategi ini menepati sasarannya apabila ramai ahli parlimen tidak malu diberikan gelaran katak politik hanya disebabkan tawaran materialistik yang lumayan daripada Muhyiddin.

Seterusnya, kekuatan MN mengalami ujian yang mencabar apabila Melaka perlu mengadakan Pilihan Raya Negeri (PRN) pada 20 Nov 2021. Ironinya, PRN Melaka mempamerkan hubungan UMNO-PAS semakin hilang kemesraannya apabila UMNO mengumumkan akan bertanding secara solo menentang PN dan PH (Saiful, 13 Okt 2021). PAS mengalami konflik pemilihan sama ada hendak bersama UMNO atau BERSATU dalam PRN Melaka. Hal ini kerana sepanjang PN mentadbir Putrajaya, BERSATU banyak membantu PAS dengan memberikan beberapa jawatan kabinet kepada mereka. Tambahan pula, Presiden PAS, Abdul Hadi Awang mengeluarkan kenyataan bahawa ahli PAS akan mengundi PN sekiranya calon PN bertembung dengan calon UMNO dalam PRN Melaka [9]. Ini sekali gus menjelaskan bahawa PAS lebih cenderung kepada BERSATU dan kecenderungan ini memberikan petanda bahawa piagam MN yang pernah dipersetujui antara UMNO-PAS akan menemui noktah pengakhirannya. Justeru, rasuah politik diklasifikasikan sebagai satu senjata yang paling sempurna untuk mengubah pendirian sesebuah parti politik.

Hadi menyedari akan kekuatan UMNO dari sudut kewangan, sokongan akar umbi dan pengalaman mereka mentadbir Malaysia. Namun, setelah terbinanya PN dan PAS mendapat pelbagai keistimewaan daripada BERSATU, maka Hadi beranggapan bahawa UMNO berkemungkinan tidak akan memberikan layanan yang istimewa kepada mereka seperti yang dilakukan oleh BERSATU. Justeru, Hadi menetapkan pendirian politiknya untuk bersama BERSATU dalam PRN Melaka walaupun keputusan tersebut tidak begitu menggembirakan beberapa pemimpin kanan PAS yang lain. Sementara itu, pembacaan politik Hadi tersasar jauh sama sekali apabila UMNO mendapat 21 daripada 28 kerusi dalam PRN Melaka dan PN hanya memperoleh 2 kerusi sahaja. Kemenangan selesa itu menyaksikan BN berjaya membentuk kerajaan Melaka yang baharu dengan majoriti dua pertiga. Oleh itu, keputusan PRN Melaka menjelaskan bahawa UMNO masih mampu menang dalam PRN walaupun bertanding secara solo dan kemenangan ini memberikan isyarat bahawa tiada keperluan UMNO bekerjasama dengan PAS. Hal ini sekali gus memberikan penjelasan bahawa veteran UMNO mencadangkan MN dibubarkan bagi mengelakkan polemik berpanjangan dengan PAS [3].

Oleh itu, perdebatan berpanjangan antara UMNO-PAS mengenai nasib MN terjawab apabila kerjasama UMNO-PAS ditamatkan secara tidak rasmi pada 9 Dis 2021. Penamatan kerjasama MN menjadi kenyataan apabila Hadi menyingkirkan Khairuddin Aman Razali daripada AJK PAS Pusat disebabkan kelantangan beliau menyokong kerjasama UMNO-PAS. Maklumat dalaman menjelaskan bahawa Khairuddin adalah salah seorang pemimpin PAS yang menyokong MN, namun Hadi enggan mengulas lebih lanjut punca utama Khairuddin disingkirkan. Hal ini kerana Hadi sentiasa menyembunyi maklumat sebenar mengapa Khairuddin digugurkan kerana perwatakan Hadi itu sendiri yang selalu menjadikan sesuatu senario politik dalaman PAS menjadi teka teki. Sebagai kesimpulan, rasuah politik dikategorikan sebagai barah politik yang harus dihapuskan kerana perbuatan memberi dan menerima rasuah boleh menghancurkan kestabilan politik. Realitinya, MN diklasifikasikan sebagai satu jambatan kerjasama yang baik, namun rasuah politik mampu mengubah pendirian sesebuah parti politik. Ini disebabkan parti politik tersebut disogok dengan jawatan yang berprestij dalam kabinet atau kerajaan dan perbuatan sedemikian boleh menukar haluan sokongan sesebuah parti politik itu.

### **3. Dilema Katak dan Pelacur Politik**

Wabak Covid-19 telah dikesan buat pertama kalinya di Wuhan, China pada Dis 2019 dan atas kebimbangan mengenai penularan penyakit tersebut, maka WHO telah mengisytiharkan Covid-19 sebagai pandemik. WHO menegaskan bahawa dalam usaha untuk mencegah Covid-19 daripada terus merebak, maka setiap negara disarankan agar melaksanakan PKP. Malaysia juga tidak terkecuali daripada terkena jangkitan Covid-19 dan oleh itu, Perdana Menteri Malaysia telah mengarahkan agar PKP dilaksanakan diseluruh negara berkuatkuasa 18 Mac 2020. Gesaan Perdana Menteri menghasilkan kesan positif apabila kes harian Covid-19 berada pada paras bacaan yang rendah dan keputusan tersebut sekali gus menggembirakan seluruh rakyat. Namun, beberapa katak politik yang diketuai oleh Musa Aman telah menimbulkan huru hara apabila mendesak kerajaan negeri Sabah melaksanakan PRN. Musa menegaskan bahawa beliau mempunyai cukup majoriti untuk membentuk kerajaan Sabah dan mendesak Ketua Menteri Sabah, Shafie Afdal agar meletak jawatan. Tetapi, Shafie enggan menurut kehendak Musa Aman dan Sabah akhirnya harus mengadakan PRN pada 26 Sept 2020 setelah

permohonan Shafie untuk membubarkan Dewan Undangan Negeri (DUN) mendapat restu daripada Yang di-Pertua (YDP) Negeri Sabah, Juhar Mahiruddin.

Penjarakan sosial dan pemakaian pelitup muka adalah beberapa Garis Panduan & Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh pihak berkuasa. Namun, apa yang merisaukan rakyat Sabah adalah adakah mereka yang terlibat dengan PRN akan mematuhi SOP yang telah ditetapkan? Realitinya, PRN akan menghimpunkan ribuan penyokong, pengikut, beberapa pemimpin dan segelintir katak politik. Pihak berkuasa sering menegaskan bahawa mereka akan mengeluarkan kompaun kepada sesiapa sahaja yang melanggar SOP Covid-19. Persoalannya di sini ialah kompaun yang diaplikasikan oleh pihak berkuasa berbeza-beza mengikut darjat dan perbezaan inilah yang membimbangkan rakyat. Selain itu, pemimpin dan katak politik yang dahagakan kuasa akan cuba menyakinkan rakyat bahawa mereka akan menjalankan kempen politik mengikut SOP pihak berkuasa. Rakyat harus menyedari bahawa pemimpin dan katak politik bijak memanipulasikan retorik politik untuk kepentingan mereka. Selanjutnya, keputusan PRN Sabah mempamerkan bahawa kes harian Covid-19 meningkat dengan kadar yang membimbangkan dan peningkatan tersebut menghancurkan harapan rakyat untuk melihat penamatan wabak Covid-19.

Sementara itu, Malaysia mencatatkan sejarah politik yang paling kotor apabila Putrajaya yang ditadbir oleh PH selama 22 bulan telah kehilangan kuasa pada Feb 2020 akibat rampasan kuasa politik oleh PN bersama katak politik. Penukaran kerajaan bukan sahaja berlaku di Putrajaya, malahan negeri-negeri seperti Johor, Melaka, Perak dan Kedah tidak terkecuali daripada terkena tempias katak politik. Jika dilihat daripada perspektif wakil rakyat, mereka membuat tanggapan bahawa amalan melompat parti tidak menyalahi falsafah politik dan nilai demokrasi. Pemain politik sering mempunyai pelbagai tafsiran yang memberikan keuntungan kepada mereka dan mereka juga cuba menghalalkan segala tindakan yang mereka lakukan. Namun, masyarakat berpendapat bahawa tindakan katak politik memberikan gambaran seolah-olah mandat mereka tidak dihormati. Hal ini kerana terdapat pengundi yang memberikan undi kepada calon yang lantang memperjuangkan isu rakyat. Namun, kesudahannya calon tersebut telah melompat ke parti lain yang tidak disukai oleh pengundi dan tindakan sedemikian telah merampas hak pengundi.

Seterusnya, penukaran kerajaan negeri daripada PH kepada PN berlaku tanpa melibatkan PRN. Agong telah memberikan peringatan kepada semua ahli politik sama ada daripada PH atau PN agar jangan terlalu sibuk berpolitik semasa negara sedang dilanda Covid-19. Oleh itu, PH menerima kenyataan bahawa perubahan pentadbiran kerajaan negeri kepada PN adalah benar walaupun wujud ketidakpuashatian dalam kalangan mereka. Namun, perebutan kuasa dalam kalangan PN tetap berlaku walaupun Melaka ditadbir oleh UMNO-PN dan kemelut politik ini memaksa Melaka mengadakan PRN. Persoalannya di sini ialah mengapa Melaka perlu mengadakan PRN sedangkan Johor, Perak dan Kedah tetap berlaku perubahan kuasa politik tanpa melibatkan PRN? Realitinya, UMNO-PN enggan menyerahkan kuasa kerajaan negeri Melaka dengan mudah kepada PH dan mereka telah berpakat dengan YDP Negeri Melaka, Ali Rustam agar membubarkan DUN. Umum mengetahui bahawa Ali Rustam merupakan pemimpin berpengaruh dalam UMNO sebelum dipilih menjadi YDP Negeri Melaka dan sudah pasti beliau mengamalkan taktik berpolitik gaya UMNO. Justeru, Melaka harus mengadakan PRN pada 20 Nov 2021 walaupun kes harian Covid-19 pada tarikh tersebut belum menunjukkan tanda-tanda akan berkurangan.

Sesudah Melaka mengadakan PRN, maka tibalah masanya pula untuk Johor mengikuti langkah Melaka apabila DUN Johor telah dibubarkan pada 22 Jan 2022. Namun, penulisan ini tidak berniat untuk mengulas dengan lebih lanjut mengenai perkembangan PRN Johor. Seterusnya, katak politik berharap akan berlaku sesuatu keajaiban dalam PRN Melaka kerana mereka masih menaruh harapan untuk dipilih semula sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN). Secara kebiasaannya, katak politik tidak akan kekal dalam parti asalnya kerana beliau disifatkan sebagai makhluk perosak yang memaksa PRN diadakan. Mereka akan cuba berunding dengan parti pembangkang agar menerimanya sebagai calon untuk bertanding. Jika permintaannya gagal ditunaikan, maka beliau tiada pilihan lain kecuali bertanding atas tiket bebas. Realitinya, tiada seorang pun katak politik yang berjaya memenangi PRN Melaka dan isyarat ini menunjukkan bahawa rakyat benci kepada katak politik. Tambahan pula, PH juga gagal mengekalkan kemenangan mereka di PRN Melaka dengan hanya memenangi 5 kerusi

sahaja berbanding 15 kerusi dalam PRU14. Keputusan PRN Melaka menjelaskan bahawa rakyat benci kepada katak politik kerana merekalah SPR harus menjalankan PRN yang semestinya melibatkan kos jutaan ringgit.

PRN Melaka menjelaskan bahawa PH gagal mengekalkan kehebatan mereka apabila parti tersebut hanya mendapat 5 kerusi berbanding 28 kerusi yang dipertandingkan. Kesilapan PH dalam PRN Melaka ialah apabila mereka sanggup menerima dua katak politik sebagai calon PH. PH selalu mengkritik katak politik yang melompat ke PN sebagai ahli politik yang tiada maruah, tiada prinsip perjuangan dan hanya mementingkan imbuhan materialistik. Namun, mereka akan mencari jawapan yang boleh menghalalkan tindakan mereka untuk menerima katak politik sebagai calon parti. Persoalannya di sini ialah adakah melompat masuk ke PH sebagai satu strategi untuk mendapat sokongan rakyat manakala melompat masuk ke PN sebagai satu perbuatan yang tiada maruah? Rakyat akan menilai setiap jawapan yang dikeluarkan oleh PH dan ternyata PH gagal memahami mengapa rakyat membenci katak politik walaupun mereka berpengalaman kehilangan kuasa disebabkan oleh katak politik. PH harus konsisten dalam perjuangannya kerana kebanyakan rakyat celik politik dan mereka tidak teragak-agak untuk menghukum mana-mana parti politik yang mempersendakan suara rakyat.

Selanjutnya, PRN Melaka juga tidak memberikan kemenangan kepada PN apabila mereka hanya memperoleh 2 kerusi sahaja. Kedua-dua kerusi tersebut dimenangi oleh BERSATU dan PAS gagal mendapat sebarang kerusi walaupun bertanding 8 kerusi. Sebelum PN menguasai Putrajaya, PAS bersahabat dengan UMNO melalui MN dan apabila PN menggantikan PH sebagai kerajaan pusat, PAS dilihat intim dengan BERSATU. Pendirian politik PAS yang tidak konsisten tidak begitu mengejutkan kerana PAS akan memilih kolam politik yang dapat memberikan pulangan materialistik yang menguntungkan. Realitinya, sepanjang PAS bertanding dalam PRU, mereka belum pernah diberikan mandat oleh rakyat untuk menjadi kerajaan dan apabila PN menawarkan kerjasama politik untuk menjatuhkan PH, maka mereka membuat tafsiran bahawa tawaran tersebut sebagai peluang kepada mereka untuk berkuasa di Putrajaya. Kenikmatan yang dikecapi oleh PAS semasa PN menguasai Putrajaya telah menyebabkan PAS mula menjauhkan diri daripada UMNO. Keengganan untuk tidak mesra UMNO terjawab apabila PAS memilih BERSATU untuk bertanding dalam PRN Melaka.

Apabila PAS berganding bahu dengan BERSATU dalam PRN Melaka, maka segala usaha untuk mengukuhkan MN telah menemui penghujungnya. Namun, PAS tetap berusaha untuk merapatkan diri dengan UMNO dalam PRN Johor walaupun UMNO secara terang-terang enggan meneruskan kerjasama politik dengan PAS. Seterusnya, pemimpin kanan UMNO telah melabelkan PAS sebagai bohsia politik dan bukannya pelacur politik seperti yang dilafazkan oleh Razaleigh Hamzah. Pertuduhan sedemikian mengguriskan hati PAS dan inilah balasannya apabila PAS sering bermain dua kolam politik dalam mencari habuan politik. PAS menegaskan bahawa mereka tidak peduli untuk bermain dua kolam atau sepuluh kolam asalkan niat mereka untuk penyatuan ummat atas nama Islam terbela (*Malaysia Dateline*, 9 Jan 2021). PAS selalu memperdagangkan Islam untuk mencari keuntungan dalam perjuangannya dan mereka akan sentiasa ada dalil untuk menghalalkan segala tindakan yang dilakukan. Realitinya, PAS lebih memilih parti manakah yang boleh memberikan keuntungan kepada mereka berbanding berjuang untuk kesejahteraan negara dan rakyat. Sebagai kesimpulan, katak dan pelacur politik adalah dua istilah yang berbeza, tetapi kedua-duanya boleh menghancurkan kestabilan politik. Justeru, rakyat dan masyarakat harus berganding bahu untuk menyingkirkan kedua-dua entiti tersebut daripada terus berkuasa dalam sistem politik Malaysia.

#### **4. Kelicikan Katak dan Pelacur Politik**

Tempoh berkuasa seseorang ahli politik ialah maksimum 5 tahun berbanding penjawat awam yang akan bersara paksa pada usia 60 tahun. Tempoh 5 tahun ini diambil kira jika sekiranya tiada berlaku PRU, PRN atau Pilihan Raya Kecil (PRK) dan keadaan politik pada ketika itu stabil sehingga perlu diadakan PRU yang seterusnya. Namun, terdapat juga ahli politik boleh berkuasa sehingga melebihi 20 tahun dan pencapaian ini merupakan satu kehebatan pada diri mereka sendiri. Sebagai contoh, ahli politik yang kekal bersama parti asalnya seperti Lim Kit Siang (DAP), Lim Guan Eng (DAP), Abdul Hadi Awang (PAS), Tuan Ibrahim Tuan Man (PAS), Wan Azizah Wan Ismail (PKR), Nurul Izzah Anwar (PKR) dan sebagainya mampu berkuasa sebagai ahli parlimen dalam jangka yang panjang.

Walau bagaimanapun, terdapat juga ahli politik yang boleh berkuasa dalam tempoh panjang dengan melompat daripada sebuah parti ke sebuah parti. Sebagai contoh, ahli politik seperti Azmin Ali (UMNO-PKR-PKR2), Saifuddin Abdullah (UMNO-PKR-PKR2) dan Kamaruddin Jaafar (UMNO-PAS-PKR-BERSATU) telah berpindah daripada satu parti ke parti yang lain disebabkan mereka melihat kuasa politik adalah pemburuan utama dalam kerjayanya.

Istilah yang selalu dilabelkan kepada mereka yang melompat parti ialah katak politik dan kebiasaannya katak politik ini tiada perasaan malu atau bersalah apabila berhadapan dengan rakyat. Mereka menegaskan bahawa perbuatan melompat ke parti politik lain bukan bermakna mereka tidak setia dengan parti asalnya, tetapi mereka terpaksa melakukan penghijrahan demi memberikan perkhidmatan yang lebih efektif kepada rakyat. Ironinya, mengapa tindakan melompat parti berlaku apabila wujud kes pecah amanah atau rasuah ke atas diri mereka dan kenapa parti pilihan mereka ialah parti pemerintah? Sebagai contoh, Xavier Jayakumar telah meninggalkan PKR dan mengisytiharkan dirinya sebagai ahli Parlimen Bebas, tetapi menyokong PN [2]. Persoalannya di sini ialah mengapa Xavier perlu menyokong PN sedangkan beliau dilabelkan sebagai seorang ahli politik yang lantang bersuara semasa dalam PKR? Realitinya, Xavier telah terlibat dengan rasuah dan untuk menyelamatkan dirinya daripada didakwa di mahkamah, maka beliau sanggup menjadi katak politik. Selain itu, orang awam yang terlibat dengan rasuah atau pecah amanah akan ditangkap atau dipenjarakan manakala perbuatan melanggar undang-undang yang dilakukan oleh orang politik akan digelapkan apabila mereka menyertai parti pemerintah.

Ini menjelaskan bahawa undang-undang Malaysia hanya terpakai kepada rakyat marhaen dan mereka yang mempunyai jawatan, pangkat, kedudukan, ada hubungan dengan golongan bangsawan atau aristokrat akan dibebaskan daripada didakwa. Undang-undang sedemikian diklasifikasikan sebagai undang-undang labah-labah yang memberikan maksud bahawa mereka yang mempunyai kekuatan dari sudut kewangan, kenalan, kedudukan dan jawatan akan terlepas daripada ditangkap atau didakwa di mahkamah. Hal ini menyebabkan golongan atasan atau berpengaruh akan memanipulasikan undang-undang negara untuk kepentingan peribadi dan seterusnya menggalakkan mereka melakukan perbuatan yang melanggar undang-undang. Selanjutnya, rakyat berpendapat bahawa jika mereka hendak menjadi penyamun berlesen yang bebas melakukan kejahatan atau melanggar undang-undang, maka mereka harus menjadi sebahagian daripada penyokong atau kroni kerajaan pemerintah. Pandangan sedemikian merugikan negara kerana pihak berkuasa akan gagal mengurang atau menghapuskan kadar jenayah disebabkan wujudnya campur tangan daripada pemerintah. Ini sekali gus menghalang pelabur luar untuk datang melabur dan situasi ini akan menyebabkan negara kerugian dari segi ekonomi, peluang pekerjaan dan pelaburan antarabangsa.

Seterusnya, agenda menggalakkan ahli politik menjadi katak politik terus meningkat dengan drastik apabila PN menguasai Putrajaya dan pihak berkuasa seharusnya memandang serius isu lompat parti. Hal ini kerana perbuatan melompat parti boleh meruntuhkan sistem demokrasi dan menyuburkan amalan rasuah politik. Namun, amat malang kepada rakyat Malaysia apabila tiada tindakan yang sepatutnya diambil ke atas pemimpin daripada parti pemerintah yang secara terang-terangan menyuburkan amalan rasuah politik dalam kalangan katak politik. Terdapat kemungkinan yang menjelaskan bahawa ketua pihak berkuasa yang mengawal undang-undang dilantik daripada kalangan kroni dan amalan ini mengakibatkan ketua tersebut agak keberatan untuk mengambil tindakan terhadap kenalannya yang melakukan rasuah politik. Amalan terhutang budi yang terjalin antara ahli politik dengan birokrat akan menyukarkan golongan birokrat menjalankan tugas mereka sebagai penguatkuasa undang-undang. Namun, kebanyakan birokrat diberikan kenaikan pangkat atau jawatan berdasarkan hubungan peribadi dan perbuatan tersebut sememangnya disusun dengan sistematik agar parti pemerintah bebas melakukan aktiviti rasuah.

Perbuatan melompat parti menjadi kritikal semasa dunia dilanda wabak Covid-19 dan pada masa yang sama Putrajaya ditadbir oleh PH. Walaupun Agong menasihati ahli politik sama ada daripada PH atau PN jangan asyik berpolitik sewaktu Covid-19, namun PN tidak begitu mempedulikan peringatan daripada Agong berbanding PH. Sebagai contoh, pertukaran pentadbiran kerajaan negeri daripada PH kepada PN berlaku tanpa melibatkan PRN walaupun ramai ahli politik PH tidak berpuashati dengan fenomena tersebut. Tetapi, PRN Melaka terpaksa diadakan walaupun Melaka ditadbir oleh PN dan ini

membuktikan bahawa ahli politik PN cenderung berpolitik. Pertukaran kerajaan daripada satu gabungan parti ke gabungan parti lain adalah senario biasa, tetapi yang menjadi persoalan ialah mengapa Melaka sahaja yang perlu diadakan PRN? UMNO menyedari bahawa mereka tidak akan menyerahkan kuasa pentadbiran negeri kepada PH dengan mudah walaupun mereka terpaksa berhadapan dengan tindakan undang-undang. Hal ini menjelaskan bahawa UMNO mengamalkan politik jujuk walaupun wabak Covid-19 boleh mengancam nyawa jika membenarkan PRN diadakan.

Sementara itu, ahli politik PAS setia dengan partinya dan tiada seorang pun ahli politiknya diberikan gelaran katak politik. PAS berpengalaman menjalinkan kerjasama politik dengan pelbagai parti politik, tetapi malangnya tiada satu parti politik pun yang kekal bersama mereka sehingga ke hari ini. Sebagai contoh, PAS pernah menjadi anggota gabungan Angkatan Perpaduan Ummah, Barisan Alternatif, Pakatan Rakyat, Gagasan Sejahtera dan MN. Namun, kesemua rakan gabungan tersebut telah berpisah dengan PAS dan ini menjelaskan bahawa PAS lebih sinonim dengan panggilan pelacur politik. Gelaran pelacur politik adalah satu sebutan yang kurang enak didengari, tetapi itulah gelaran yang harus diberikan kepada mereka yang perasan parti mereka sahaja yang berada dalam landasan yang benar. PAS bijak mencari peluang dan ruang untuk bekerjasama dengan parti politik lain hanya semata-mata untuk survival politik mereka. Namun, jika pemimpin tertinggi PAS merasakan bahawa survival politik mereka akan terancam, maka akan menamatkan kerjasama politik dengan anggota gabungannya. Persoalannya ialah adakah benar survival politik PAS akan mengalami kehancuran jika mereka meneruskan kerjasama politik dengan parti politik lain atau pendirian PAS itu sendiri yang tidak konsisten telah menyebabkan mereka tidak peduli dengan panggilan pelacur politik yang dilemparkan kepada mereka.

Sebagai kesimpulan, fenomena katak dan pelacur politik yang semakin membiak dengan pantas semasa negara dilanda Covid-19 amat membimbangkan. Tambahan pula, Perdana Menteri daripada PN secara jelas menghidupkan rasuah politik dan perbuatan ini akan meramaikan lagi katak dan pelacur politik. Ironisnya, tiada tindakan diambil ke atas ahli politik yang secara terang-terangan menawarkan rasuah politik sama ada kepada rakan gabungannya atau parti pembangkang. Persoalannya di sini ialah adakah birokrat atau pihak berkuasa bersekongkol dengan ahli politik yang rasuah atau mereka juga ada menerima habuan lumayan yang bertujuan untuk mengunci mulut mereka? Realitanya, parti politik yang berkuasa semestinya mempunyai hubungan intim dengan birokrat dan ahli perniagaan. Hal ini kerana ketiga-tiga mereka mempunyai kepentingan yang sama walaupun berbeza dari sudut penampilan. Oleh itu, setiap tindakan yang dilakukan oleh ahli politik akan disokong oleh birokrat dan ahli perniagaan kerana kesemua mereka akan memperoleh habuan masing-masing. Justeru, negara mesti mempunyai undang-undang untuk menghalang atau menghapuskan pembiakan katak dan pelacur politik kerana kedua-duanya boleh mendatangkan impak negatif kepada kestabilan politik dan ekonomi negara.

## **5. Cadangan Menamatkan Katak dan Pelacur Politik**

Negara Dunia Ketiga seperti Malaysia memerlukan pelaburan antarabangsa untuk memacu ekonomi dan syarat utama yang akan diteliti terlebih dahulu oleh pelabur luar ialah kestabilan politik. Kestabilan politik dilihat sebagai elemen utama dalam sesebuah negara kerana dengan adanya kestabilan politik, maka ekonomi negara akan berkembang dengan sempurna. Kesemua faktor itu disedari oleh ahli politik, birokrat, ahli perniagaan dan mereka yang terlibat secara langsung dalam pembinaan polisi negara. Namun, golongan tersebut seolah-olah sengaja tidak mpedulikan faktor itu dan mereka lebih cenderung untuk memelihara katak dan pelacur politik demi menjaga kelangsungan kuasa. Memang benar setiap parti politik memerlukan kuasa untuk mentadbir negara, tetapi apa gunanya berkuasa jika kuasa yang dimiliki itu boleh meruntuhkan sistem demokrasi dan menghancurkan kestabilan negara? Banyak negara dalam dunia telah melakukan reformasi terhadap sistem pilihan raya demi menghalang katak atau pelacur politik daripada melakukan perbuatan yang boleh merosakkan sistem pemerintahan negara. Berikut disenaraikan beberapa cadangan yang perlu diberikan perhatian oleh pihak berkuasa untuk memastikan katak dan pelacur politik tidak memanipulasikan sistem politik untuk kepentingan mereka.

Pertama, rakyat diberikan kuasa untuk memilih Perdana Menteri. Amalan yang dilakukan dalam sistem politik Malaysia ialah parti yang menang akan memilih calon Perdana Menteri dalam kalangan

mereka. Oleh itu, perebutan kuasa pasti akan berlaku, tetapi mereka yang mempunyai hubungan akrab dengan golongan bangsawan, kroni, pandai bodek dan mempunyai sumber kewangan yang kukuh akan dipilih menjadi Perdana Menteri walaupun pada asasnya beliau tidak mempunyai keterampilan sebagai seorang pemimpin. Untuk membolehkan seseorang itu layak dipilih sebagai Perdana Menteri, maka setiap calon perlu melalui beberapa peringkat pemilihan. Pada peringkat pertama, calon perlu mendapat sekurang-kurangnya 20 sokongan ahli parlimen sama ada daripada pemerintah atau pembangkang. Seterusnya, jumlah sokongan ahli parlimen perlu dipertingkatkan daripada 20 menjadi 30 pada peringkat kedua dan di peringkat akhir, hanya 2 calon yang mendapat undian tertinggi akan disenaraikan sebagai calon Perdana Menteri. Tanggungjawab berikutnya yang harus dilakukan oleh mereka yang disenaraikan sebagai calon Perdana Menteri ialah berdebat secara langsung dalam beberapa siri untuk menguji kehebatan sebagai seorang pemimpin. Jika pihak berwajib boleh melaksanakan cadangan tersebut, maka Malaysia akan mempunyai seorang Perdana Menteri yang berkarisma dan beliau tidak memerlukan katak dan pelacur politik untuk membantunya mentadbir negara.

Kedua, mengubah sistem pilihan raya daripada pemenang undi terbanyak (first past the post - FPTP) kepada perwakilan bernisbah (proportional representation - PR). Kebanyakan negara maju sudah menggunakan PR dan sistem ini dilihat dapat menjamin jumlah wakil rakyat yang lebih adil berbanding FPTP. Malaysia masih mengamalkan FPTP dan sistem ini hanya memberikan keuntungan kepada calon yang menang walaupun perbezaan undi hanyalah satu undi sahaja. Calon yang kalah walaupun mendapat sokongan 49% daripada jumlah undi keseluruhan akan diklasifikasikan sebagai kalah terus. Hal ini berbeza dengan PR yang jumlah undian akan dikira daripada 222 kerusi parlimen dan kerusi tersebut akan dibahagikan mengikut peratusan keseluruhan. Sebagai contoh, parti cap kunci telah memperoleh 10% daripada jumlah undi dari seluruh negara, maka mereka layak mendapat 22 kerusi daripada 222 kerusi parlimen di Dewan Rakyat.

Seterusnya, parti kunci akan memilih calon untuk mewakili kerusi-kerusi tersebut. Realitinya, Malaysia masih sebaris dengan negara-negara mundur seperti Uganda, Bangladesh dan Ghana yang masih menggunakan FPTP. Sistem ini telah membuka terlalu banyak ruang untuk melakukan penyelewengan, malah terbukti ianya tidak dapat menjamin keadilan hak setiap pengundi. Jika sistem PR dilaksanakan, maka wakil rakyat tidak akan melompat parti kerana parti yang memiliki hak ke atas kerusi itu dan bukannya milik individu. Rakyat perlukan jaminan yang mengesahkan bahawa setiap kertas undi itu bernilai dan calon harus menyedari bahawa setiap satu undi yang beliau peroleh itu merupakan harapan dan amanah rakyat untuk beliau membawanya ke Dewan Rakyat. Namun, ramai calon tidak pedulikan harapan dan amanah rakyat setelah mereka mendapat kuasa dan mereka telah meranapkan harapan pengundi dengan menjadi katak politik.

Ketiga, melakukan pilihan raya semula (recall election) dilihat sebagai satu alternatif untuk menghalang katak politik. Realitinya, ahli politik menyedari bahawa isu agama, bangsa, kaum dan raja boleh dijadikan senjata mudah untuk memperoleh sokongan rakyat. Kebanyakan pemimpin di negara majmuk mempunyai pengalaman dengan isu-isu tersebut dan sebagai penyelesaian untuk menghalang seseorang itu menjadi katak politik, maka mereka mengaplikasikan pilihan raya semula. Kebanyakan negara maju seperti Britain, Jerman dan Kanada telah mengadaptasikan sistem pilihan raya semula untuk mengelakkan krisis politik yang bakal mengganggu pentadbiran negara. Setiap wakil rakyat yang melompat boleh hilang kerusi dan pilihan raya akan diadakan untuk mendapatkan semula mandat rakyat yang baharu. Ini berlaku apabila rakyat di kawasan itu berjaya mengumpul cukup tandatangan untuk memecat beliau. Jika undang-undang ini digunakan di Malaysia, maka wakil rakyat akan berfikir seribu kali untuk melompat parti kerana beliau akan kehilangan kerusi dan amanah yang diberikan oleh rakyat. Namun, jika beliau melompat juga, maka semua perbuatan itu akan menjadi sia-sia.

Sebagai kesimpulan, katak politik boleh dijinakkan dengan penguatkuasaan undang-undang manakala pelacur politik agar sukar untuk disekat pembiakannya. Walaupun kedengaran parti politik telah mengikat perjanjian kesetiaan dengan calon sebelum pilihan raya, namun calon tersebut akan menjadi katak politik selepas mendapat tawaran lumayan daripada parti lain. Ini menjelaskan bahawa undang-undang yang termenterai antara parti politik dengan calon gagal diselesaikan di mahkamah. Realitinya, katak politik menjadi isu hangat yang diperdebatkan di Malaysia selepas kejatuhan PH. Boleh dikatakan hampir kesemua parti politik sama ada pemerintah atau pembangkang mempunyai

katak politik dan senario ini diklasifikasikan sebagai satu fenomena yang merugikan negara. Selain itu, pelacur politik sukar untuk dihapuskan kerana hubungan dua hala yang dibina antara pelacur politik dengan pihak ketiga mendapat persetujuan bersama. Oleh itu, rakyat harus berani mengenakan hukuman kepada mana-mana parti politik yang sanggup menjual tali persahabatan dengan parti politik lain hanya semata-mata untuk memperoleh habuan kuasa.

## 6. Kesimpulan

Wabak Covid-19 memaksa kerajaan melaksanakan PKP yang bertujuan mengekang penularan wabak tersebut dengan menggalakkan rakyat bekerja dari rumah, menutup perniagaan yang tidak begitu penting, mengamalkan penjarakan sosial dan rakyat disarankan agar tidak keluar dari rumah jika tiada urusan penting. Pelaksanaan PKP mencetuskan normal baharu yang perlu diterima oleh semua rakyat dan semestinya gesaan PBB agar setiap negara dalam dunia melaksanakan PKP ialah untuk mengembalikan kehidupan sediakala rakyat. Namun, fenomena Covid-19 di Malaysia mencetuskan kejadian yang memalukan apabila berlakunya rampasan kuasa politik daripada PH kepada PN. Kerajaan menguatkuasakan SOP ke atas rakyat yang bertujuan untuk menyekat pergerakan mereka, tetapi ahli politik bebas bergerak sehingga menyebabkan situasi politik menjadi agak tidak stabil. Sejarah membuktikan bahawa wabak Covid-19 melahirkan katak politik, pelacur politik dan menyuburkan rasuah politik. Kesemua penyakit sosial tersebut hanya memberikan keuntungan kepada ahli politik dan rakyat hanya menanggung kerugian di atas kerakusan ahli politik berebut kuasa. Tambahan pula, disebabkan ketamakan ahli politik untuk terus berkuasa, kes harian Covid-19 tidak menunjukkan tanda-tanda akan berkurangan dan fenomena ini membimbangkan rakyat.

Selanjutnya, Muhyiddin telah melaksanakan darurat (12 Jan-1 Ogos 2021) yang bertujuan untuk menyekat penularan Covid-19 yang semakin meruncing. Namun, alasan darurat hanyalah retorik Muhyiddin untuk menghalang ahli parlimen pembangkang daripada membahaskan isu Covid-19 di parlimen. Hal ini membolehkan Muhyiddin bersama sekutunya mengekalkan kesetiaan katak dan pelacur politik agar kerajaannya tidak runtuh. Realitinya, darurat menghalang ahli parlimen pembangkang mempersoalkan bagaimana Muhyiddin dan sekutunya membelanjakan wang negara, perancangan kerajaan menyekat penularan Covid-19 dan pelbagai masalah yang dihadapi oleh negara sepanjang Covid-19. Sebagai kesimpulannya, PN tidak mempedulikan penularan Covid-19 walaupun PBB telah memberikan peringatan bahawa wabak Covid-19 boleh mengancam nyawa rakyat. Rakyat diberikan pelbagai tekanan seperti mematuhi SOP Covid-19 dan ini bertujuan agar mereka tidak dikenakan kompaun jika mengingkari SOP tersebut. Namun, PN bersama sekutunya bebas merompak kekayaan negara dengan membiak katak dan pelacur politik melalui rasuah politik.

## Penghargaan

Penulis mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) atas sokongan sehingga penulisan ini dapat diterbitkan.

## Rujukan

- [1] Faiz Zainuddin. (30 Nov 2020). *Redzuan pertahan keperluan Kabinet PN lebih besar berbanding PH*. Dimuat turun daripada <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2020/11/30/kabinet-pn-lebih-besar-berbanding-ph-atas-keperluan-semasa-jamin-program-lancar-kata-redzuan/>
- [2] Lam, J. Y. (13 Mac 2021). *Senior minister threatened Xavier with serious consequences if he did not support PN, claims PKR's Saifuddin*. Dimuat turun daripada <https://www.theedgemarkets.com/article/senior-minister-threatened-xavier-serious-consequences-if-he-did-not-support-pn-claims-pkr>
- [3] *Malaysiakini*. (26 Nov 2021). *Bubarkan Muafakat Nasional, gesa Veteran Umno*. Dimuat turun daripada <https://www.malaysiakini.com/news/600765>

- [4] *Malaysiakini*. (12 Mac 2021). PAS macam pelacur, Umno perlu lawan PRU15 - Ku Li. Dimuat turun daripada <https://www.malaysiakini.com/news/566280>
- [5] *Malaysiakini*. (29 Julai 2020). *Musa Aman umum cukup majoriti bentuk kerajaan baru Sabah*. Dimuat turun daripada <https://www.malaysiakini.com/news/536653>
- [6] *Malaysiakini*. (10 Sept 2019). Tarik kenyataan Umno kafir sebelum kerjasama – Mahathir. Dimuat turun daripada <https://www.malaysiakini.com/news/491360>
- [7] *Malaysiakini*. (10 Mei 2018). *Fakta PRU14: Apa erti kemenangan buat BN, HARAPAN dan PAS*. Dimuat turun daripada <https://www.malaysiakini.com/news/424036>
- [8] *Malaysia Dateline*. (9 Jan 2021). Bukan setakat 2 kolam, 100 kolam pun Pas sanggup masuk. Dimuat turun daripada <https://malysiadateline.com/bukan-setakat-2-kolam-100-kolam-pun-pas-sanggup-masuk/>
- [9] N Faizal Ghazali. (6 Nov 2021). *PRN Melaka: Jika bertembung dengan Umno, PAS akan sokong PN – Hadi*. Dimuat turun daripada <https://www.malaysiakini.com/news/598129>
- [10] Saiful Haizan Hasam. (13 Okt 2021). *UMNO bertanding sendirian di Melaka*. Dimuat turun daripada <https://www.bharian.com.my/berita/politik/2021/10/875673/umno-bertanding-sendirian-di-melaka>
- [11] Saiyid Radzuwan Syed Sopi. (2021). Political Coup from Pakatan Harapan to Perikatan Nasional: A Nightmare Tragedy During Pandemic Covid-19. *Advances in Humanities and Contemporary Studies*. 2 (2): 15-23 Universiti Tun Hussein Onn Malaysia Publisher's Office. e-ISSN: 2773-4781.
- [12] Siti Nur Zawani Miscon. (24 Sept 2021). *Tabung Haji: Laporan Ketua Audit Negara bukti PH telus, berintegriti*. Dimuat turun daripada <https://malysiadateline.com/tabung-haji-laporan-ketua-audit-negara-bukti-ph-telus-berintegriti/>